



27 November 2012  
27 November 2012  
P.U. (A) 418

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (KEPERLUAN PENDEDAHAN BAGI AKAUN AMANAH DAN AKAUN BERSAMA) 2012

### *MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DISCLOSURE REQUIREMENTS FOR TRUST ACCOUNTS AND JOINT ACCOUNTS) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA  
(KEPERLUAN PENDEDAHAN BAGI AKAUN AMANAH DAN AKAUN BERSAMA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(4) dan 209(1) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan bagi Akaun Amanah dan Akaun Bersama) 2012.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 27 November 2012.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“akaun amanah” ertinya suatu akaun amanah yang dibuka atau disenggarakan dalam sesuatu anggota penerima deposit oleh seorang pendeposit yang bertindak sebagai pemegang amanah yang berkenaan, setiap benefisiari bagi akaun amanah itu dan amaun atau peratusan kepentingan benefisiari itu dalam akaun amanah itu, boleh dikenal pasti;

“akaun bersama” ertinya suatu akaun bersama yang dibuka atau disenggarakan dalam sesuatu anggota penerima deposit oleh seorang pendeposit yang bertindak sebagai pemunya bersama dengan mana-mana orang lain;

“kepentingan benefisiari” ertinya wang yang dipegang dalam suatu akaun amanah bagi benefisiari yang dinamakan;

“pemegang amanah” ertinya seorang pendeposit yang bertindak sebagai

pemegang amanah bagi suatu akaun amanah;

“pemunya bersama” ertiinya seorang pendeposit yang bertindak sebagai pemunya bersama bagi suatu akaun bersama; dan

“tahun taksiran” ertiinya tempoh yang bermula pada hari pertama bulan Januari dan berakhir pada hari ketiga puluh satu bulan Disember setiap tahun.

**Pendedahan semasa membuka akaun amanah**

3. (1) Semasa membuka suatu akaun amanah, seorang pemegang amanah hendaklah mengemukakan kepada anggota penerima deposit maklumat yang berikut:

- (a) suatu pernyataan bahawa deposit dalam akaun amanah itu dipegang sebagai amanah oleh pemegang amanah itu;
- (b) nombor akaun amanah itu;
- (c) nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemegang amanah itu atau apa-apa pengenalpastian lain yang boleh diterima oleh anggota penerima deposit itu;
- (d) nama dan alamat setiap benefisiari atau kod angka abjad atau apa-apa kod atau pengenal pasti lain bagi benefisiari itu; dan
- (e) amaun atau peratusan kepentingan setiap benefisiari dalam akaun amanah itu.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, seseorang pemegang amanah yang gagal mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1) tetapi yang kemudiannya mengemukakan maklumat yang dikehendaki kepada anggota penerima deposit itu hendaklah disifatkan sebagai membuka suatu akaun amanah yang baru di bawah subperaturan (1) pada tarikh pengemukaan maklumat itu.

**Pendedahan tahunan berkenaan dengan akaun amanah**

4. (1) Pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun taksiran, seorang pemegang amanah yang bertindak untuk dua benefisiari atau lebih hendaklah mengemukakan kepada anggota penerima deposit maklumat yang berikut:

- (a) nombor akaun amanah itu;
- (b) nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemegang amanah itu atau apa-apa pengenalpastian lain yang boleh diterima oleh anggota penerima deposit itu;
- (c) nama dan alamat setiap benefisiari atau kod angka abjad atau apa-apa kod atau pengenal pasti lain bagi benefisiari itu, setakat 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya; dan
- (d) amaun atau peratusan kepentingan setiap benefisiari dalam akaun amanah itu, setakat 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

(2) Seorang pemegang amanah yang gagal mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 195 Akta.

**Notis kepada pemegang amanah**

5. (1) Sebelum 31 Mac setiap tahun taksiran, sesuatu anggota penerima deposit hendaklah memberitahu setiap pemegang amanah yang bertindak untuk dua benefisiari atau lebih tentang keperluan untuk mendedahkan maklumat yang disebut dalam peraturan 4.

(2) Bagi mengelakkan keraguan di bawah subperaturan (1), pemberitahuan kepada pemegang amanah tidak termasuk penyiaran dalam suratkhabar atau cara komunikasi massa lain atau penempatan notis di tempat perniagaan anggota penerima deposit.

(3) Suatu anggota penerima deposit yang gagal mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 195 Akta.